



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PELANCARAN EKSPLORASI RUKUN NEGARA PERINGKAT SEKOLAH TAHUN 2023

---

**KUALA LUMPUR, 14 Ogos 2023** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan telah melancarkan **Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah Tahun 2023** di **Dewan Kompleks Seri Bintang, Kuala Lumpur** pada hari ini. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Kementerian Perpaduan Negara telah merangka program di bawah *Flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI* dalam kluster Semarak Kenegaraan iaitu Eksplorasi Rukun Negara. Inisiatif ini merupakan usaha untuk memperkasakan pembudayaan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian masyarakat dan akan dilaksanakan di semua peringkat.

Program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah ini mendapat kerjasama strategik daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia bertujuan untuk **meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) Rukun Negara dalam diri murid sekolah dan menjadikannya sebahagian daripada sikap dan tingkah laku seterusnya mengukuhkan lagi semangat jati diri serta semangat cintakan negara.**

Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah juga telah ditubuhkan dalam usaha menyemarakkan lagi pelaksanaan program-program yang berteraskan kepada Rukun Negara. **Sehingga kini terdapat 6,849 Kelab Rukun Negara di seluruh negara.**

Antara aktiviti yang dilaksanakan di bawah program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah adalah seperti berikut:-

- i. **Ikrar Setiaku:** Pelaksanaan lafaz ikrar penuh yang dimulakan dengan lafaz cita-cita diikuti lafaz prinsip Rukun Negara serta disusuli dengan penerangan ringkas berkaitan Rukun Negara;
- ii. **Pertandingan Video Eksplorasi Rukun Negara;**
- iii. **Kempen Budi Bahasa:** Coretan kata-kata positif oleh pelajar untuk membentuk minda pelajar ke arah positif dan sihat. Contoh kempen adalah Kempen #cakapbaikbaik; dan

- iv. **Lukisan Mural Aspirasi Rukun Negara:** Lukisan mural di dinding sekolah atau lokasi yang sesuai yang menterjemahkan visual aspirasi Rukun Negara.

Antara lain objektif pelaksanaan program ini adalah:-

- i. Meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatupaduan rakyat Malaysia;
- ii. Menyemai taat setia dan rasa cintakan negara melalui pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan;
- iii. Menyemarakkan agenda perpaduan terutama untuk membangkitkan sifat patriotisme sebagai medium yang mencambah nilai kasih sayang, saling hormat menghormati dan kebersamaan antara masyarakat; dan
- iv. Menyediakan ruang, peluang dan suasana kepada rakyat Malaysia yang merupakan katalis perpaduan untuk berinteraksi dalam program dan aktiviti yang dianjurkan;

YB Menteri Perpaduan Negara menyeru kepada semua pihak untuk sama-sama mencorakkan nilai yang positif dalam membentuk generasi yang progresif dari semua aspek bagi mencapai pembangunan masyarakat MADANI yang diidamkan. "Marilah kita sama-sama mencorakkan nilai yang positif dalam membentuk generasi yang progresif dari semua aspek bagi mencapai pembangunan masyarakat MADANI yang diidamkan", ujar YB Datuk Aaron.

## Kementerian Perpaduan Negara

14 Ogos 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:-      Unit Komunikasi Korporat  
                                  b.p.: Ketua Setiausaha  
                                  Kementerian Perpaduan Negara  
                                  Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
                                  E-mel: pro@perpaduan.gov.my